

Peraturan baharu kastam belum dimuktamadkan

Kementerian Kewangan (MOF) masih belum membuat keputusan muktamad mengenai cadangan pelaksanaan peraturan baharu kastam membabitkan kenderaan berdaftar Labuan dan Langkawi ke luar ke tanah besar.

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Othman Aziz, berkata kementerian itu akan membincangkan segala rungutan pihak terbabit, pada mesyuarat pasukan petugas khas yang baharu dibentuk.

Pasukan petugas khas itu diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang juga pengerusinya, bulan lalu, bagi menangani pelbagai isu pembangunan

di pulau itu serta penduduknya.

Dibincang terperinci

“Peraturan baharu ini sudah dibincangkan secara terperinci. Namun yang penting ialah mengkaji realiti situasi ekonomi semasa di sini,” katanya di Labuan, semalam.

Othman mengadakan lawatan kerja sehari ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia Labuan dan Pihak Berkuasa Kewangan Labuan (LabuanFSA) untuk mendengar taklimat daripada kedua-dua agensi itu.

Katanya, kerajaan akan membantu Labuan kekal berdaya saing selepas terjejas akibat kelembapan sektor minyak dan gas.



Kami tidak mahu memperkenalkan dasar yang menekan atau membebankan rakyat dan memburukkan kedudukan ekonomi”

Othman Aziz,
Timbalan Menteri
Kewangan 1